- Began his career as Administrative Officer of Bank Negara Malaysia in 1972, thereafter as Assistant Secretary to Yayasan Sarawak, Economist/Senior Project Officer to Sarawak Economic Development Corporation (SEDC) before joining the Bintulu Development Authority (BDA) as Secretary in 1981. Further he rose to become the Assistant General Manager, General Manager of BDA in 1983 before being appointed as the Permanent Secretary to the State Ministries 1992 till 2002. He retired from the Civil Service in the year 2003.
- Appointed as Director of Bintulu Port Holdings Berhad on 4 November 2004.
- Held directorship in private limited companies such as Custodev Sdn. Bhd., Taan Plantation Sdn. Bhd. and Kidurong Properties Sdn. Bhd.
- Has no family relationship with any director and/or major shareholder of Bintulu Port Holdings Berhad.
- Has no conflict of interest in any business arrangement involving Bintulu Port Holdings Berhad.
- Has no conviction for any offences within the past 10 years.
- Attended one (1) Board meeting held in the financial year ended 31 December 2004.

- Berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian) dalam Sains Nautikal pada tahun 1974 dari Merchant Marine Academy, Jakarta, Indonesia. Memperolehi Sijil Competency Foreign Going Class III pada tahun 1975 dan Sijil Competency Foreign Going Class II pada tahun 1978. Dalam tahun 1981, beliau memperolehi Sijil Competency Foreign Going Class I (Master Mariner) dari Akademi yang sama.
 - Memulakan kariernya sebagai kadet pada tahun 1970 dan telah dinaikkan pangkat ke beberapa jawatan yang lebih tinggi sebelum mendapat Ijazah Malim I pada tahun 1981. Menyertai Lembaga Pelabuhan Bintulu sebagai Penolong Pengurus Marin (Operasi) pada tahun 1988 sebelum dilantik sebagai Pengurus Besar dalam tahun 1993.
 - Dilantik sebagai Pengarah merangkap Pengarah Urusan Bintulu Port Holdings Berhad pada 1 Disember 2000 dan bersara sebagai Pengarah Urusan pada 30 Jun 2004. Walaubagaimanapun, masih menjadi Pengarah Bukan Eksekutif berkuatkuasa 1 Julai 2004.
 - Turut menjadi Ahli Lembaga Pengarah Biport Bulkiers Sdn Bhd.
 - Mempunyai 868,300 (0.22%) saham biasa pada RM1.00 sesaham di Bintulu Port Holdings Berhad.
 - Tidak mempunyai hubungan kekeluargaan dengan mana-mana Pengarah dan/atau Pemegang Saham Utama di Bintulu Port Holdings Berhad.
 - Tidak mempunyai sebarang kepentingan dalam urusan perniagaan yang membabitkan Bintulu Port Holdings Berhad.
 - Tidak pernah disabitkan kesalahan sepanjang tempoh 10 tahun.
 - Menghadiri kesemua Mesyuarat Lembaga Pengarah yang diadakan pada tahun kewangan ini.
-
- Graduated in 1974 from Merchant Marine Academy, Jakarta, Indonesia with Bachelor of Science (Honours) in Nautical Studies, obtained Certificate of Competency Foreign Going Class III in 1975 and Certificate of Competency Foreign Going Class II in 1978. In 1981, he obtained Certificate of Competency Foreign Going Class I (Master Mariner) from the same Academy.
 - Started his career at sea as cadet in 1970 and was promoted to various ranks before obtaining his Master's Certificate in 1981. Joined Bintulu Port Authority as Assistant Marine Manager (Operation) in 1988 and later was promoted to the post of General Manager in 1993.
 - Appointed as the Director cum Managing Director of Bintulu Port Holdings Berhad on 1 December 2000 and retired as Managing Director on 30 June 2004, however remain as Non-Executive Director effective 1 July 2004.
 - Also sits on the Board of Biport Bulkiers Sdn Bhd.
 - Has 868,300 (0.22%) ordinary shares of RM 1.00 each in Bintulu Port Holdings Berhad.
 - Has no family relationship with any director and/or major shareholder of Bintulu Port Holdings Berhad.
 - Has no conflict of interest in any business arrangement involving Bintulu Port Holdings Berhad.
 - Has no conviction for any offences within the past 10 years.
 - Attended all the Board Meetings held in the financial year.



**DATO' CAPT. AWANGKU
ABDUL MALIT @
AWANGKU MALYX BIN
PENGIRAN MAHRAN**

Pengarah Bukan Bebas
Bukan Eksekutif
(54 Tahun,
Warganegara Malaysia)

Non-Independent
Non-Executive Director
(Aged 54, Malaysian)



SUBKEY BIN ABDUL WAHAB

Pengarah Bebas
Bukan Eksekutif
(58 Tahun,
Warganegara Malaysia)

Independent
Non-Executive Director
(Aged 58, Malaysian)

- Pengerusi Jawatankuasa Ganjaran serta ahli Jawatankuasa Audit, Jawatankuasa Penamaan dan Jawatankuasa Kewangan & Pengurusan Risiko.
- Berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Ekonomi dengan Kepujian dari Universiti Malaya pada tahun 1971. Beliau juga memperolehi Diploma Pentadbiran Awam dari Universiti yang sama dalam tahun 1974. Kemudian dalam tahun 1976, beliau memperolehi Ijazah Sarjana Ekonomi dari William College, Amerika Syarikat.
- Memulakan karier sebagai Pegawai Penyelidik di Kementerian Pengangkutan pada tahun 1971. Beliau juga pernah memegang pelbagai jawatan lain dalam Jabatan Kerajaan termasuk Pensyarah/Penyelaras Program di Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN), Setiausaha di Sekretariat Panel Ekonomi, Unit Perancang Ekonomi (EPU), Setiausaha di Bahagian Perancang dan Pembangunan di Kementerian Perusahaan Utama dan Timbalan Ketua Setiausaha di Kementerian yang sama pada tahun 1997. Beliau bersara dari Perkhidmatan Awam pada bulan Julai 2001.
- Dilantik sebagai Pengarah, Bintulu Port Holdings Berhad pada 20 Ogos 2001 dan juga menjadi ahli Lembaga Pengarah Biport Bulkurs Sdn. Bhd..
- Tidak mempunyai hubungan kekeluargaan dengan mana-mana Pengarah dan/atau Pemegang Saham Utama di Bintulu Port Holdings Berhad.
- Tidak mempunyai sebarang kepentingan dalam urusan perniagaan yang membabitkan Bintulu Port Holdings Berhad.
- Tidak pernah disabitkan kesalahan sepanjang tempoh 10 tahun yang lepas.
- Menghadiri kesemua Mesyuarat Lembaga Pengarah serta Jawatankuasa Audit, Jawatankuasa Penamaan, Jawatankuasa Ganjaran dan Jawatankuasa Kewangan & Pengurusan Risiko yang diadakan dalam tahun kewangan ini.
- Chairman of the Remuneration Committee as well as a member of the Audit Committee, Nominating Committee and Finance & Risk Management Committee.
- Graduated with Bachelor of Economics with Honours from the University of Malaya in 1971. In 1974, he obtained his Diploma in Public Administration from the same University. Later in 1976, he obtained his Masters in Economic from William College, United States.
- Began his career as Research Officer at the Ministry of Transport in 1971. He has also held various posts in the Government including Lecturer/Program Coordinator at the National Institute of Public Administration (INTAN), Secretary to the Economic Panel, Secretariat of the Economic Planning Unit, Secretary, Planning and Development Division of Ministry of Primary Industry as well as Deputy Secretary General at the same Ministry in 1997. He retired from the Civil Service in July 2001.
- Appointed as Director of Bintulu Port Holdings Berhad on 20 August 2001 and also sits on the Board of Biport Bulkurs Sdn. Bhd..
- Has no family relationship with any director and/or major shareholder of Bintulu Port Holdings Berhad.
- Has no conflict of interest in any business arrangement involving Bintulu Port Holdings Berhad.
- Has no conviction for any offences within the past 10 years.
- Attended all the Board meetings as well as Audit Committee, Nominating Committee, Remuneration Committee and Finance & Risk Management Committee meetings held in the financial year.



JAWATANKUASA LEMBAGA PENGARAH

PENUBUHAN

Jawatankuasa Audit, Jawatankuasa Penamaan, Jawatankuasa Ganjaran serta Jawatankuasa Kewangan dan Pengurusan Risiko telah ditubuhkan oleh Lembaga Pengarah untuk membantu Lembaga Pengarah dalam membuat keputusan ke atas perkara yang dibentangkan kepada Lembaga Pengarah. Peranan setiap Jawatankuasa adalah untuk membincang dan memperakukan kepada Lembaga Pengarah perkara yang dibentangkan di peringkat Jawatankuasa. Minit Mesyuarat Jawatankuasa yang telah disahkan hendaklah dikemukakan kepada semua ahli Lembaga Pengarah untuk memberi peluang kepada mana-mana ahli yang tidak menduduki Jawatankuasa tersebut mengemukakan pertanyaan atau pandangan dalam perkara yang dibincangkan.

KOMPOSISI

Setiap Jawatankuasa Lembaga Pengarah ini dianggotai oleh kedua-dua Pengarah Bebas Bukan Eksekutif dan Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif di mana Pengarah Bebas Bukan Eksekutif merupakan majoriti serta bertindak sebagai Pengerusi bagi Jawatankuasa berkenaan.

JAWATANKUASA AUDIT

Datuk Mohamed Adnan bin Ali yang merupakan ahli Institut Akauntan Malaysia bertindak sebagai Pengerusi bagi Jawatankuasa Audit manakala Dato' Abdul Rahim bin Mokti dan Encik Subkey bin Abdul Wahab bertindak sebagai ahlinya. Keterangan lanjut berkaitan komposisi, peranan dan tanggungjawab serta jumlah mesyuarat yang diadakan sepanjang tahun boleh didapati di mukasurat 30 hingga 31 pada Laporan Tahunan ini.

JAWATANKUASA PENAMAAN

Jawatankuasa Penamaan terdiri dari dua (2) orang Pengarah Bebas Bukan Eksekutif dan seorang Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif. Jawatankuasa ini bertanggungjawab memperakukan kepada Lembaga Pengarah, calon ahli Lembaga Pengarah, perlantikan, kenaikan pangkat dan perlanjutan tempoh Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengurusan Kanan Kumpulan syarikat, meneliti kemahiran, pengalaman dan kualiti termasuk kompetensi utama Pengarah Bukan Eksekutif, meneliti keberkesanan Lembaga Pengarah secara am termasuk Jawatankuasanya dan menilai sumbangan setiap individu pengarah.

Jawatankuasa Penamaan telah bermesyuarat sebanyak tujuh (7) kali dalam tahun 2004 dan kehadiran adalah seperti berikut:-

Nama Pengarah	Bil. Mesyuarat yang Dihadiri	Jumlah Mesyuarat
1. Datuk Mohamed Adnan bin Ali	7	7
2. Dato' Abdul Rahim bin Mokti	7	7
3. Subkey bin Abdul Wahab	7	7

JAWATANKUASA LEMBAGA PENGARAH (BERSAMBUNG)

JAWATANKUASA GANJARAN

Jawatankuasa Ganjaran dipengerusikan oleh Encik Subkey bin Abdul Wahab dan dianggotai oleh dua (2) orang Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif. Kesemua perkara berkaitan ganjaran para Pengarah Eksekutif dan Bukan Eksekutif, Polisi Sumber Manusia termasuk Terma dan Syarat Perkhidmatan bagi Ketua Pegawai Eksekutif serta Pengurusan Kanan Kumpulan akan diteliti, dikaji, dibincang dan diperakukan oleh Jawatankuasa Ganjaran. Para Pengarah Eksekutif tidak dibenarkan mengambil bahagian dalam membuat keputusan ke atas ganjaran bagi diri mereka sendiri.

Jawatankuasa Ganjaran telah bermesyuarat sebanyak enam (6) kali dalam tahun 2004 dan senarai kehadiran adalah seperti berikut:-

Nama Pengarah	Bil. Mesyuarat yang Dihadiri	Jumlah Mesyuarat
1. Subkey bin Abdul Wahab	6	6
2. Dato' Abdul Rahim bin Mokti	6	6
3. Dato' Hj. Mohd Ali bin Hj. Yasin (Tamat sebagai Pengarah berikutan kematian beliau pada 18 April 2004)	1	1
4. Dato' Shamsul Azhar bin Abbas (Dilantik pada 29 Julai 2004)	1	1

JAWATANKUASA KEWANGAN DAN PENGURUSAN RISIKO

Jawatankuasa Kewangan dan Pengurusan Risiko terdiri dari empat (4) orang pengarah masing-masing dua (2) orang Pengarah Bebas Bukan Eksekutif dan dua (2) Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif. Tanggungjawab Jawatankuasa ini pada dasarnya adalah untuk mengkaji, menerima dan memantau kedudukan perniagaan serta kewangan Kumpulan, mengenalpasti risiko kewangan, mengkaji belanjawan tahunan syarikat dan varian ke atas perbelanjaan sebenar berbanding anggaran belanjawan yang diluluskan serta unjuran belanjawan. Di samping itu, mengkaji perbelanjaan modal untuk pelaksanaan projek, perniagaan dan prestasi pelaburan yang dibuat oleh syarikat, mengkaji dan memperakukan kepada Lembaga Pengarah semua polisi kewangan dalam usaha meningkatkan sistem kawalan dalaman dan urustadbir korporat serta laporan kewangan syarikat dan mencadangkan langkah-langkah yang harus diambil bagi meningkatkan keuntungan syarikat.

Jawatankuasa ini telah bermesyuarat hanya sekali (1) dalam tahun 2004 seperti berikut:-

Nama Pengarah	Bil. Mesyuarat yang Dihadiri	Jumlah Mesyuarat
1. Datuk Mohamed Adnan bin Ali	1	1
2. Dato' Abdul Rahim bin Mokti	1	1
3. Subkey bin Abdul Wahab	1	1
4. Dato' Hj. Mohd Ali bin Hj. Yasin (Tamat sebagai Pengarah berikutan kematian beliau pada 18 April 2004)	1	1
5. Dato' Shamsul Azhar bin Abbas (Dilantik pada 29 Julai 2004)	-	-

BOARD COMMITTEES

SET UP

The Audit Committee, Nominating Committee, Remuneration Committee and Finance and Risk Management Committee were set up by the Board to assist in decision-making on matters tabled to the Board. The role of each Committee is to deliberate, discuss and recommend to the Board on matters tabled at the Committees level. The confirmed minutes of the Committees shall then be circulated to all the Board members in order to give opportunity to any members of the Board who do not sit as members of the respective Committees to raise any query or view on the matters discussed.

COMPOSITION

A mixture of independent non-executive directors and non-independent non-executive directors sits on the Board Committees with the independent non-executive directors form the majority as well as performing as Chairman.

AUDIT COMMITTEE

Datuk Mohamed Adnan bin Ali who is a member of the Malaysian Institute of Accountants performs as Chairman to the Audit Committee while Dato' Abdul Rahim bin Mokti and Encik Subkey bin Abdul Wahab sits as member to the Committee. The details of the Audit Committee's composition, roles and responsibilities and number of meetings held during the year are provided on page 32 to 33 of the Annual Report.

NOMINATING COMMITTEE

The Nominating Committee comprises of two (2) independent non-executive directors and one (1) non-independent non-executive director. The Committee is responsible to recommend to the Board, candidates for all directorships to the Board, appointment, promotion and renewal of the Chief Executive Officer and Senior Management of the Group, reviewing the skills, experience and other qualities including the core competencies of the non-executive directors, annually assessing the effectiveness of the board as a whole, the committees of the board and assessing the contribution of each individual director.

The Nominating Committee met on seven (7) occasions during the year 2004 and their attendances are as follows:-

Name of Directors	No. of Meetings Attended	Total No. of Meetings
1. Datuk Mohamed Adnan bin Ali	7	7
2. Dato' Abdul Rahim bin Mokti	7	7
3. Subkey bin Abdul Wahab	7	7

BOARD COMMITTEES (CONTINUED)

REMUNERATION COMMITTEE

Remuneration Committee is headed by Encik Subkey bin Abdul Wahab with two (2) non-independent non-executive directors sitting as members. All recommendations in respect of the executive as well as non-executive director's remuneration, Human Resources Policies including Terms and Conditions of Services of both the Chief Executive Officer and Senior Management of the Group shall be reviewed, discussed and recommended by the Remuneration Committee. The executive director shall play no part in decision making of their own remuneration.

The Remuneration Committee met on six (6) occasions during the year 2004 and their attendances are as follows:-

Name of Directors	No. of Meetings Attended	Total No. of Meetings
1. Subkey bin Abdul Wahab	6	6
2. Dato' Abdul Rahim bin Mokti	6	6
3. Dato' Hj. Mohd Ali bin Hj. Yasin (Deceased) - ceased to be Director following his demise on 18 April 2004	1	1
4. Dato' Shamsul Azhar bin Abbas (Appointed on 29 July 2004)	1	1

FINANCE AND RISK MANAGEMENT COMMITTEE

The Finance & Risk Management Committee consists of four (4) directors, each two (2) independent non-executive directors and non-independent non-executive directors respectively. The responsibilities of this Committee is basically to review, adopt and oversee the conduct of the Group's business and financial affairs, identify the financial risks, reviewing the Group's annual budget and the variances of actual results against the approved budget and forecasted budget. Also to review the capital expenditure for projects, business acquisitions and investment appraisals undertaken by the Company, review and recommend to the Board all financial policies in order to enhance the financial internal control and corporate governance disclosures and to review the financial result of the Company and recommend to the Board measures to be undertaken in order to enhance its profitability.

The Committee held only one (1) meeting for the year 2004 as follows:-

Name of Directors	No. of Meetings Attended	Total No. of Meetings
1. Datuk Mohamed Adnan bin Ali	1	1
2. Dato' Abdul Rahim bin Mokti	1	1
3. Subkey bin Abdul Wahab	1	1
4. Dato' Hj. Mohd Ali bin Hj. Yasin (Deceased) - ceased to be Director following his demise on 18 April 2004	1	1
5. Dato' Shamsul Azhar bin Abbas (Appointed on 29 July 2004)	-	-

JAWATANKUASA AUDIT

KEAHLIAN

Pengerusi

Datuk Mohamed Adnan bin Ali
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Ahli-Ahli

Dato' Abdul Rahim bin Mokti
Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif

Subkey bin Abdul Wahab
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

OBJEKTIF DAN KOMPOSISI

Objektif umum Jawatankuasa ini adalah untuk memastikan kesempurnaan dan keberkesanaan sistem kawalan dalaman syarikat dan kualiti kerja dalam menjalankan tugas yang diamanahkan.

Jawatankuasa Audit dianggotai oleh tiga (3) orang Pengarah, dua (2) adalah Pengarah Bebas Bukan Eksekutif dan seorang Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif. Pengerusi Jawatankuasa ini adalah Datuk Mohamed Adnan bin Ali yang merupakan ahli Institut Akauntan Malaysia dan memenuhi keperluan Syarat-Syarat Penyenggaraan.

KUASA

Jawatankuasa ini mempunyai kuasa untuk melakukan perkara yang difikirkan perlu bagi memenuhi tanggungjawabnya sepertimana terkandung dalam syarat lantikan oleh Lembaga Pengarah dan mempunyai kuasa khas yang diberikan oleh Lembaga Pengarah dari semasa ke semasa. Jawatankuasa ini juga mempunyai kuasa untuk mengawal perjalanan mesyuaratnya dalam mengambil kira norma-norma biasa bagi hal sedemikian.

MESYUARAT DAN KEHADIRAN

Mesyuarat Jawatankuasa ini diadakan sepanjang tahun tetapi tidak kurang dari tiga (3) kali setahun. Kekerapan mesyuarat adalah tertakluk kepada aktiviti audit dan laporan yang diterima. Dalam apa-apa hal, Jawatankuasa ini bermesyuarat sekali dalam setiap suku tahun.

Setiausaha Syarikat adalah Setiausaha Jawatankuasa Audit dan akan bertanggungjawab untuk mengedarkan notis, agenda dan minit mesyuarat kepada semua ahli.

Jawatankuasa boleh memanggil Juruaudit Luar dan mana-mana pegawai syarikat yang berkenaan untuk hadir dalam mesyuarat apabila perlu.

Jawatankuasa Audit telah bermesyuarat sebanyak lima (5) kali dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2004 dan butiran lanjut kehadiran Jawatankuasa adalah seperti berikut:-

Nama Pengarah	Bil Mesyuarat yang dihadiri	Jumlah Mesyuarat
1. Datuk Mohamed Adnan bin Ali	5	5
2. Dato' Abdul Rahim bin Mokti	4	5
3. Subkey bin Abdul Wahab	5	5

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

Tugas dan Tanggungjawab Jawatankuasa Audit adalah seperti berikut:-

- Untuk meneliti perancangan audit;
- Untuk meneliti laporan audit dan penyata kewangan yang berkaitan, membuat keputusan yang sesuai dan menentukan tindakan-tindakan yang khusus untuk memastikan operasi dan pengurusan syarikat mematuhi polisi-polisi, rancangan-rancangan dan prosidur-prosidur serta undang-undang dan peraturan-peraturan yang mempunyai bidangkuasa atau kesan mendalam ke atas operasi syarikat;
- Untuk meneliti cadangan perlantikan Juruaudit Luar dan membuat perakuan mengenai syarat-syarat perlantikan tersebut;
- Untuk menyiasat atau mengarah untuk disiasat mana-mana aktiviti yang termasuk dalam Terma Rujukannya; dan
- Untuk meneliti dan mendedahkan prosidur bagi urusanniaga berulang pihak berkaitan yang melibatkan hasil atau berbentuk perniagaan.

AKTIVITI-AKTIVITI

Aktiviti Jawatankuasa Audit bagi tahun kewangan diringkaskan seperti berikut:-

1. Meneliti deraf penyata kewangan yang telah diaudit bersama Juruaudit Luar;
2. Meneliti laporan kewangan suku tahun yang belum diaudit sebelum membuat perakuan kepada Lembaga Pengarah untuk kelulusan;
3. Meneliti cadangan perancangan / program audit dalam yang akan dilaksanakan oleh Juruaudit Dalam;
4. Membincang dan meneliti bersama Juruaudit Luar, perancangan serta pendekatan Juruaudit Luar, hasil pemeriksaan, laporan Juruaudit dan surat-surat Pengurusan yang berkaitan dengan audit dan mengemaskinikan piawaian perakaunan dan pengauditan yang baru;
5. Meneliti laporan dan membincangkan hasil laporan dan saranan Juruaudit Dalam; dan
6. Memantau pengurusan dan fungsi audit.

FUNGSI JURUAUDIT DALAM

Jawatankuasa akan memantau semua fungsi Juruaudit Dalam dan turut diberi kuasa mengarahkan siasatan yang akan dikendalikan oleh Juruaudit Dalam sekiranya perlu. Jawatankuasa Audit dibantu oleh Jabatan Audit Dalam yang berkecuali dan melaporkan terus kepada Jawatankuasa Audit.

Jabatan Audit Dalam bertanggungjawab mengemukakan maklumbalas bebas ke atas kawalan dalaman, urustadbir korporat dan pematuhan syarikat ke atas polisi, prosidur dan peraturan serta undang-undang yang berkuatkuasa kepada Jawatankuasa Audit.

Fungsi Juruaudit Dalam juga termasuk meyakinkan semua peringkat pengurusan tentang wujudnya kawalan dalaman secara menyeluruh terhadap aset serta menentukan keberkesanan sistem kawalan dalaman untuk mencapai keseluruhan objektif syarikat serta melaksanakan audit dalaman ke atas semua unit operasi bagi subsidierinya.

Peranan Juruaudit Dalam telah dilaksanakan secara berkecuali, profisiensi dan profesional supaya dapat memberi jaminan kepada Lembaga Pengarah atas kawalan yang mencukupi dan kewibawaan sistem yang ada dalam Kumpulan.

AUDIT COMMITTEE

MEMBERSHIP

Chairman

Datuk Mohamed Adnan bin Ali
Independent Non-Executive Director

Members

Dato' Abdul Rahim bin Mokti
Non-Independent Non-Executive Director

Subkey bin Abdul Wahab
Independent Non-Executive Director

OBJECTIVE AND COMPOSITION

The general objective of the Committee is to ensure adequacy and effectiveness of the Company's system of internal controls and the quality of performance in carrying out the assigned responsibilities.

The Audit Committee comprises of three (3) directors, two (2) of whom are independent non-executive directors while the other non-independent non-executive director. The Chairman, Datuk Mohamed Adnan bin Ali is a member of the Malaysian Institute of Accountants and satisfies the requirement of the Listing Requirements.

AUTHORITY

The Committee shall have the general authority to do all things necessary to fulfil its responsibilities as vested upon it by virtue of its appointment by the Board and such other special authority specifically vested by the Board from time to time. The Committee shall have authority to regulate the manner of proceedings of its meetings having regard to normal conventions on such matter.

MEETINGS AND ATTENDANCE

The meetings of the Committee are scheduled throughout the year but shall not be less than three (3) times a year. The frequency varies depending on the audit activities and reports. In any case the Committee will meet at least once during each quarter.

The Company Secretary is the Secretary for the Audit Committee and shall be responsible for circulating notices, agendas and minutes of meetings to all members.

The Committee may require the external Auditors and any officials of the Company to attend any of its meetings as it determines.

The Audit Committee met on five (5) occasions during the financial year ended 31 December 2004 and the details of the attendance of the Committee are as follows:-

Name of Directors	No. of Meetings Attended	Total No. of Meetings
1. Datuk Mohamed Adnan bin Ali	5	5
2. Dato' Abdul Rahim bin Mokti	4	5
3. Subkey bin Abdul Wahab	5	5

DUTIES AND RESPONSIBILITIES

The duties and responsibilities of the Audit Committee are as follows:

- To review the audit plans;
- To review audit reports and associated financial statements, to make appropriate decisions and determine specific actions to ensure that the Company's operations and management comply with policies, plans and procedures and laws and regulations having jurisdiction over or significant impact on the same;
- To review proposal for the appointment of external auditors and to make recommendations on the terms of such appointment;
- To investigate or cause to be investigated any activity within its terms of reference; and
- To Review and disclosure procedures for the recurrent related party transactions of revenue or trading nature.

ACTIVITIES

The activities of the Audit Committee for the financial year were summarised below:

1. Reviewed draft audited financial statements together with the external auditors;
2. Reviewed unaudited quarterly results prior to recommendation to the Board for approval;
3. Reviewed proposed internal audit plans/programmes to be undertaken by the Internal Auditors;
4. Discussed and reviewed with the external auditors the external audit plan and approach, results of their examinations, auditors report and management letters relating to audit and updates on new developments on accounting and auditing standards;
5. Reviewed reports and discussed findings and recommendations made by the Internal Audit; and
6. Monitor the management and audit functions.

INTERNAL AUDIT FUNCTIONS

The Committee shall oversee all internal audit functions and is authorised to commission investigations to be conducted by internal audit, as it deems fit. The Audit Committee is supported by an independent Internal Audit Department who in turn reports directly to the Audit Committee.

The Internal Audit Department is responsible to provide the Audit Committee independent feedback reports on the state of internal controls, corporate governance and the extent of compliance to the Group's established policies and procedures and even the relevant statutory requirements.

The Internal Audit functions also includes the provision of reasonable assurance to all levels of management concerning the overall control over assets and the effectiveness of the system of internal control in achieving the company's overall objectives and various internal audits on all operating unit of its subsidiaries.

The roles of the internal audit has been performed with impartiality, proficiency and due professional care so as to give assurance to the Board on the adequacy in controls and integrity of the systems within the Group.

PENYATA Pengerusi



Bagi pihak Lembaga Pengarah Bintulu Port Holdings Berhad, saya dengan hormatnya membentangkan Laporan Tahunan dan Penyata Akaun Kumpulan Yang Telah Diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2004.

Pengenalan

Saya dengan berbesar hati merakamkan ucapan tahniah kepada Kerajaan Malaysia atas kejayaan gemilangnya dalam Pilihanraya Umum 2004 dan kepada semua warganegara Malaysia kerana memilih Kerajaan secara demokrasi. Pilihanraya ini telah mengesahkan kelangsungan dan kestabilan yang menjadi lambang budaya politik Malaysia.

Tahun 2004 merupakan tahun pemulihan ekonomi negara juga menjanjikan pembangunan perniagaan kepada para pengguna dan pelabur samada di dalam maupun luar negara. Pemulihan ekonomi dunia terus diperkukuhkan dengan pertumbuhan yang luas bagi negara-negara perindustrian utama dan diperkuatkan lagi dengan pertumbuhan di rantau Asia. Keyakinan para pelabur telah kembali dan seterusnya meningkatkan pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK), Malaysia yang mencapai pertumbuhan pesat pada setengah tahun 2004 dengan masing-masing 7.6% dalam suku pertama dan 8% dalam suku kedua. KDNK bagi tahun 2004 adalah 7.1% berbanding 5.2% dalam tahun 2003.

Prestasi Kewangan

Faktor keadaan dan persekitaran ekonomi keseluruhan yang baik telah mengukuhkan perniagaan Kumpulan. Pendapatan Operasi Kumpulan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2004 mencatatkan jumlah RM359.81 juta, peningkatan sebanyak RM50.17 juta berbanding RM309.64 juta pada tahun 2003. Pendapatan Bukan Operasi Kumpulan adalah RM14.55 juta menjadikan jumlah keseluruhan pendapatan sebanyak RM374.36 juta berbanding RM324.35 juta pada tahun 2003. Syarikat telah mencatatkan prestasi kewangan yang kukuh dengan Keuntungan Sebelum Cukai meningkat kepada RM155.29 juta berbanding RM128.21 juta dalam tahun sebelumnya. Dana Pemegang Saham Kumpulan adalah RM884.45 juta manakala Pendapatan Sesaham 27.92 sen dan Harta Ketara Bersih RM2.18 sesaham.

Dividen

Kami dengan bangga melaporkan Syarikat telah mengisytiharkan dua dividen interim sebanyak 15.0 Sen dan 5.0 Sen sesaham, ditolak cukai pendapatan 28%, dan kedua-dua dividen ini telah dibayar pada 1 Oktober 2004 dan 30 Disember 2004 masing-masingnya.

Lembaga Pengarah telah mencadangkan dividen terakhir 10.0 Sen sesaham, ditolak cukai pendapatan 28%, bagi tahun kewangan 2004 dan akan dibayar kepada pemegang saham dalam tahun 2005 sekiranya diluluskan dalam Mesyuarat Agung Tahunan yang akan datang.

Status Penggunaan Dana Terbitan Awam Awal

Sepertimana dijelaskan dalam Penyata Berkaitan Dengan Urustadbir Korporat pada mukasurat 42 pada Laporan Tahunan ini, Kumpulan telah menggunakan RM135.89 juta dari Dana Terbitan Awam Awal bagi tujuan perolehan kelengkapan dan pembangunan infrastruktur Pelabuhan. Kini, perolehan bagi Mobile Harbour Cranes, Rubber Tyred Gantry Cranes dan dua (2) unit bot tunda 25 tan telah selesai sepenuhnya. Kelengkapan ini akan meningkatkan produktiviti dan efisiensi operasi perniagaan kami. Perolehan bagi kelengkapan lain dan pembangunan infrastruktur pelabuhan yang lain dijangka siap pada penghujung tahun 2006.

Prestasi Operasi

Berdasarkan kestabilan pasaran semasa dan pertumbuhan ekonomi, Kumpulan yakin boleh menempatkan posisinya sebagai pusat singgahan utama di rantau BIMP-EAGA. Bintulu Port Sdn. Bhd., sebuah syarikat subsidiari milik penuh Bintulu Port Holdings Berhad telah berjaya mengendalikan sejumlah 33.60 juta tan kargo sepanjang tahun 2004 berbanding 28.97 juta dalam tahun 2003 yang mana mencatatkan peningkatan sebanyak 16% pertumbuhan dalam kendalian kargo. Memang tidak dapat dinafikan bahawa Bintulu Port Sdn. Bhd., selaku terminal tunggal terbesar LNG di dunia menerima sumbangan utama dari kargo LNG sebanyak 62% berbanding dengan kargo-kargo lain seperti minyak mentah 10%, minyak sawit 3%, kayu kayan 6% and yang lainnya menyumbang 8% merangkumi produk petroliaam, pasir silika, LPG, klinker dan baja urea.

Kendalian Kontena bagi tahun 2004 mencatatkan sedikit penurunan iaitu 143,783 TEUs berbanding dengan 145,661 TEUs dalam tahun 2003. Kontena Singgah Kapal mencatatkan penurunan dari 104,100 TEUs dalam tahun 2003 kepada 86,163 TEUs dalam tahun 2004. Faktor yang menyumbang kepada penurunan tersebut adalah kesesakan sementara di pelabuhan penerima kontena di Borneo.

Pada penghujung tahun 2003 sebuah lagi syarikat subsidiari milik penuh Bintulu Port Holdings Berhad iaitu Biport Bulk Sdn. Bhd. telah ditubuhkan bagi tujuan pengendalian operasi berasaskan minyak sawit dan kemudahan bulking di Bintulu. Fasilitas ini telah memulakan operasinya pada 15 Disember 2004 dan dijangka akan mempertingkatkan lagi hasil Kumpulan selanjutnya.

Prospek Masa Depan Kumpulan

Selain bergantung kepada sektor LNG sebagai sumber hasil utama, Kumpulan sedang berusaha sedaya upaya meningkatkan produktiviti dan efisiensi sektor bukan LNG serta pada masa yang sama mengenalpasti lain-lain aktiviti berkaitan pelabuhan bagi membantu Pelabuhan Bintulu menjadi pemberi perkhidmatan Pelabuhan secara menyeluruh.

Dengan siapnya terminal khusus untuk mengendalikan minyak sawit dan kemudahan bulking, Kumpulan boleh menjadikan Pelabuhan Bintulu sebagai pemain utama di kawasan BIMP-EAGA.

Urustadbir Korporat

Kumpulan melanggan dan komited terhadap nilai urustadbir korporat yang baik dan telus. Lembaga Pengarah Bintulu Port Holdings Berhad telah berusaha memastikan yang Kod Berkaitan Dengan Urustadbir Korporat dipatuhi sepenuhnya dalam menjalankan kesemua aktiviti-

aktiviti Kumpulan. Kumpulan sentiasa melanggan ke atas tahap integriti yang tinggi dan tidak mempunyai sebarang masalah dalam mematuhi etika perniagaan kontemporari. Penyata Berkaitan Dengan Urustadbir Korporat boleh di rujuk di mukasurat 38 hingga 43.

Tanggungjawab Sosial Korporat

Di samping kejayaan yang memberangsangkan, negara dikejutkan dengan malapetaka yang tidak dijangka yang melanda pada 26 Disember 2004. Malapetaka "tsunami" telah mengorbankan banyak nyawa, mencederakan beratus lagi manusia dan mengakibatkan kemusnahan harta benda yang tidak terbilang serta meninggalkan mangsa yang terselamat tinggal tanpa tempat berteduh. Ianya akan menjadi memori hitam yang tidak dapat dilupakan oleh mangsa-mangsa khususnya rakyat di negara Indonesia, Thailand, India, Sri Lanka dan Maldives yang mana paling teruk dilanda malapetaka tersebut. Syarikat turut menyumbang sebanyak RM100,000.00 kepada Tabung Bencana Negara bagi membantu Kerajaan meringankan beban yang dihadapi oleh mangsa-mangsanya.

Walau apapun di sebalik bencana tersebut, adalah menjadi harapan kami untuk melihat tahun 2005 membawa masa depan yang cerah kepada negara dan dapat melihat ke hadapan dengan lebih yakin untuk pertumbuhan ekonomi yang lebih kukuh.

Di samping itu, Kumpulan juga telah menyumbang kepada komuniti tempatan dalam bentuk sumbangan derma dan perkhidmatan kemasyarakatan seperti Liga Super Sarawak, Perlumbaan Basikal Jemputan Bintulu, Larian Amal MAKSAK Bintulu, Tilawah Al-Quran dan Nasyid Peringkat Bahagian Bintulu, Sambutan Perayaan Hari Guru Peringkat Negeri di Bintulu, Pembinaan Pagar Sekolah-Sekolah dan sebagainya.

Penghargaan

Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya ingin merakamkan penghargaan kepada pasukan Pengurusan dan staf Kumpulan di atas dedikasi dan komitmen dalam menyumbang kepada prestasi Kumpulan bagi tahun semasa. Saya juga mengambil kesempatan ini mengucapkan terima kasih kepada semua para pemegang saham di atas kepercayaan berterusan yang diberi kepada kami serta kepada golongan profesional yang mana kami mempunyai hubungan kerja yang baik sepanjang tahun. Kepada semua pelanggan, pengguna pelabuhan, badan Kerajaan berkaitan, teman-teman sepekerjaan serta pihak media, kami ucapkan setinggi-tinggi terima kasih di atas sokongan padu berterusan dan keyakinan yang dipanjangkan kepada Kumpulan.

Akhir kata, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada ahli-ahli Lembaga Pengarah serta para Pengarah di peringkat subsidiari di atas semangat pasukan yang cemerlang, kepercayaan dan keyakinan kepada kami dalam menerajui syarikat ini.

Terima kasih.



Tun Dato' Seri Hj. Mohd Eusoff bin Chin
Pengerusi
Bintulu Port Holdings Berhad

CHAIRMAN'S STATEMENT

On behalf of the Board of Directors of Bintulu Port Holdings Berhad, it is my pleasure to present the Annual Report and Audited Financial Statements of the Group for the financial year ended 31 December 2004.

Introduction

Indeed it is my great honour to congratulate the Government of Malaysia for its glorious victory in the Year 2004 General Election and to all Malaysians for choosing the Government of their democratic choice. This election has reaffirmed the continuity and stability that have been the enduring hallmarks of Malaysia's political culture.

Year 2004 seems to be the year of economic recovery to the nations as well as promising further business growth to both consumers and investors, domestic and foreign. The world economic recovery continues to strengthen with broad-based growth in major industrial countries and reinforced by the robust growth of the Asian region. Investors' confidence are returning and hence, increasing the growth of Gross Domestic Product (GDP) of Malaysia, which achieved a massive growth in the half year of 2004 with 7.6% in the first quarter and 8% in the second quarter respectively. The GDP for 2004 is 7.1% as compared to 5.2% in the year 2003.

Financial Performance

The feel good factor and favourable overall economic environment has strengthened the Group's business and undertakings. The Group's Operating Revenue for the financial year ended 31 December 2004 recorded the amount of RM359.81 million, an increased of RM50.17 million as compared to RM309.64 million in the year 2003. Non-Operating Revenue of the Group is RM14.55 million resulting in the total revenue of RM374.36 million as compared to RM324.35 million in 2003. The Company has recorded strong financial performance with Profit Before Taxation has increased to RM155.29 million as compared to RM128.21 million in the previous year. The Group's Shareholder's Fund stood at RM884.45 million while Earnings Per Share is 27.92 sen and the Net Tangible Asset stood at RM2.18 per share.

Dividend

We are glad to report that the Company has declared two interim dividend of 15.0 Sen and 5.0 Sen per share, less income tax of 28%, and both has been paid on 1 October 2004 and 30 December 2004 respectively.

The Board is recommending a final dividend of 10.0 Sen per share, less income tax of 28%, for the financial year 2004 and if approved in the forthcoming Annual General Meeting, will be paid to the shareholders in 2005.

Status of Utilisation of Proceeds from the Initial Public Offer

As well informed in the Statement of Corporate Governance on page 48 of this Annual Report, the Group has utilised RM135.89 million from the proceeds of the Initial Public Offer for the purpose of procuring equipment and developing port infrastructure. To date, the Company has completed the procurement of Mobile Harbour Cranes, Rubber Tyred Gantry Cranes and the two (2) units of 25 tons tugboats. This equipment will definitely increase the productivity and efficiency of our business operation. The procurement of other equipment and development of port infrastructure are expected to be completed by the end of 2006.

Operational Performance

With the current market stability and economic growth, the Group is confident that it will be able to position itself as a transshipment centre in the BIMP-EAGA region. Bintulu Port Sdn. Bhd., a wholly owned subsidiary of Bintulu Port Holdings Berhad has successfully handled a total of 33.60 million tonnes of cargo throughput in the year 2004 as compared to 28.97 million tonnes in 2003 which recorded an increase of 16% growth in cargo throughput. It is not deniable that Bintulu Port Sdn. Bhd., being the largest single LNG terminal in the world has LNG cargo as the main contributor which amount to 62% as compared to other cargoes such as crude oil 10%, palm oil 3%, woods base 6% and others contributing 8% comprises of petroleum products, silica sand, LPG, clinker and urea.

Container throughput for the year 2004 recorded a total of 143,783 TEUs as compared to 145,661 TEUs in 2003. Transshipment containers recorded a decrease from 104,100 TEUs in 2003 to 86,163 TEUs in 2004. The contributing factor of reduction was the temporary congestion at the incoming port in Borneo.

The end of year 2003 showed the incorporation of another wholly owned subsidiary of Bintulu Port Holdings Berhad that is Biport Bulk Sdn. Bhd. which caters for the palm oil bulking facilities in Bintulu. These facilities has commenced operation by 15 December 2004 and expected to further enhance revenue of the Group.

Future Outlook of The Group

Despite relying on LNG sector as a main source of revenue, the Group is critically improving the productivity and efficiency of the existing Non LNG sector and at the same time exploring into other port related activities to complement Bintulu Port as a total port service provider.

With the completion of dedicated Palm Oil Terminal and bulking facilities, the Group will be able to turn Bintulu Port as a major player in the BIMP-EAGA region.

Corporate Governance

The Group subscribed and is committed to the value of good corporate governance and transparency. Indeed the Board of

Bintulu Port Holdings Berhad has made every effort to ensure that the Malaysian Code on Corporate Governance is adhered to in carrying out all activities of the Group. The Group has always subscribed to the highest standard of integrity and have no difficulty in complying with the prescribed ethics of contemporary business. The Board's statement pertaining to the Corporate Governance can be found on page 44 to 49.

Corporate Social Responsibility

Despite the overwhelming achievements, the nations were shocked by the unexpected catastrophe which occurred on 26 December 2004. The "tsunami" disaster had killed scores of people, injuring hundreds more and causing untold damages to properties as well as leaving the survivors to live without shelter. It will be an unforgettable memory to the victims particularly the people of Indonesia, Thailand, India, Sri Lanka and Maldives who were more severely affected. The company has donated RM100,000.00 to the "National Disasters Fund" to assist the Government and to ease the sorrow and grief faced by the victims.

Nonetheless despite the disaster, it is still our hope to see that the year 2005 will bring a bright future to the nations and that we can look forward with confidence to the greater economic growth.


Besides that, the Group has also contributed to local community in the form of donations and community services such as sponsorships for Sarawak Super League, Bintulu Invitational Mountain Bike Race, MAKSAR Charity Run Bintulu, Bintulu Quranic Recitation and Antiphonal Singing Competition, State Level Teachers' Celebration Day in Bintulu, Schools' Fencing and others.

Appreciation

On behalf of the Board, I would like to register my appreciation to the management team and staff of the Group for the dedication and commitment in contributing to the Group's performance for the year under review. I would also like to take this opportunity to thank our shareholders and stakeholders for their continued faith in us as well as the professional fraternity with whom we have had cordial relations over the year. To all our customers, port users, relevant Government Authorities, business associates as well as the medias, we thank you for your continuing support and confidence extended to the Group.

Finally, I wish to register my special thanks and appreciation to my fellow directors who sits on the holding Board as well as the directors of the subsidiaries for their excellence team spirit, trust and confidence in steering this company.

Thank you.



Tun Dato' Seri Haji Mohd Eusoff bin Chin
Chairman
Bintulu Port Holdings Berhad